

MENGHASUT: DR M BERI AMARAN

BH 23 FEB 1982

KOTA BHARU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran tentang kemungkinan berlakunya huru-hara di negara ini berikutan kegiatan menghasut oleh setengah golongan supaya pasukan keselamatan bencikan kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, golongan itu sengaja membangkitkan perasaan sakit hati di kalangan angkatan tentera dan polis seperti menimbulkan soal berkait dengan gaji supaya anggota pasukan

keselamatan mem-berontak menentang kerajaan.

Berucap di majlis ja-muan teh merakan la-watan beliau ke Kelantan di kediaman Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah di Palm Manor di sini lewat petang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Hasutan seumpama ini boleh mem-bangkitkan perasaan benci dan mungkin menimbulkan keadaan yang tidak baik serta huru-hara."

Beliau memberi ama-ran, sekiranya berlaku huru-hara, negara akan hancur dan ia tidak mungkin dapat dikawal

dengan mudah.

Katanya, ini pernah berlaku di negara-negara yang terlibat dalam re-volusi dan akhirnya ne-gara itu terus menerus bergolak.

Dengan demikian, tegasnya, orang-orang yang menjaga keamanan tidak harus digoreskan mereka sehingga boleh mencetuskan huru-hara.

Beliau yang juga Men-teri Pertahanan mensifatkan kegiatan yang cuba menimbulkan perasaan sakit hati di ka-langan rakyat sebagai perbuatan yang tidak bertanggungjawab di-samping mereka yang menggunakan agama Is-lam untuk mengelirukan

rakyat.

Katanya, untuk men-dapat sokongan rakyat janganlah memutar belitkan keadaan.

"UMNO sebagai sebuah parti mahu men-dapatkan kuasa secara halal dan bukan secara memutar belitkan taf-siran Al-Quran seperti dilakukan oleh setengah-setengah pihak," je-lasnya.

Menyentuh tentang dakwaan ahli-ahli PAS bahawa orang UMNO adalah najis sehingga tempat duduk mereka perlu disamak, Perdana Menteri berkata: "Yang menghairankan saya pencen yang diterima oleh tokoh-tokoh PAS

tidak pula payah di-samak.

"Agaknya kalau wang itu diberikan kepada tokoh PAS berkenaan wang itu bukan najis, tetapi bila menolong orang miskin, semua per-kara adalah najis dan ha-ram," katanya disambut gelak-ketawa oleh lebih 1,000 orang yang hadir.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menggesa parti komponen Barisan Nasional meneruskan konsep kerjasama anta-ra parti yang dijalankan sekarang.

Katanya, konsep ker-jasama di kalangan parti komponen telah mem-bei faedah kepada rak-yat negara ini meskipun kita punya perbezaan pendapat dalam setengah-setengah per-kara.

"Melalui konsep ini, kita telah mencapai kemerdekaan melalui Perikatan dan juga men-capai kemakmuran di kalangan rakyat melalui Barisan Nasional," terang beliau.

Beliau mengingatkan jika konsep kerjasama ini tidak diteruskan ia hanya akan mengun-tungkan parti pem-bangkang kerana mereka suka parti-parti komponen Barisan Na-sional berpecah.

Berucap ketika melawap tapak Pelabuhan Ke-cil Kemasin, 20 kilometer dari sini, beliau berkata, projek yang dijalankan itu bukan untuk menyusahkan orang ra-mal, sebaliknya untuk menolong rakyat negeri yang termundur.

Beliau berkata, dalam proses ini rakyat perlu berkorban seperti mem-benarkan pengambilan tanah untuk meneruskan projek yang sangat berfaedah itu.